

Kata-kata Sakti Pilihan Daripada al-Qur'ān, al-Hadīth dan Hukama'

Al-Qur'ān	Al-Hadīth	Hukama'
<p>Tidakkah engkau ketahui, bahawasanya Allah lah yang mempunyai kerajaan langit dan bumi, dan kamu tidak mempunyai pengawal dan penolong selain daripada Allah.</p> <p style="text-align: right;">(<i>al-Baqarah</i> 107)</p> <p style="text-align: center;">* * *</p> <p>Katakanlah ya Muhammad! Sesungguhnya aku ini (berjalan) atas keterangan yang nyata dari Tuhanku, tetapi kamu dustakan Dia, tidakkah ada pada aku apa yang kamu harap-harapkan dengan lekas. Tidak ada hukum itu melainkan bagi Allah, Ia menerangkan kebenaran, dan adalah Ia sebaik-baik penghukum.</p> <p style="text-align: right;">(<i>al-An'ām</i>: 57)</p> <p style="text-align: center;">* * *</p> <p>Apakah mereka mahukan hukuman Jahiliyyah, padahal bukanlah ada siapa-siapa yang hukumannya lebih baik daripada hukuman Allah bagi orang-orang yang berkeyakinan?</p> <p style="text-align: right;">(<i>al-Mā'idah</i>: 50)</p> <p style="text-align: center;">* * *</p> <p>Dan tidak ada (satu pun) daripada (makhhluk) yang merayap di muka bumi ini melainkan atas Allah memberi rezeki kepadanya, dan ia mengetahui tempat kediamannya dan tempat disimpannya. Tiap-tiap sesuatu (ada tersebut) di dalam kitab yang nyata.</p> <p style="text-align: right;">(<i>Hud</i>: 6)</p> <p style="text-align: center;">* * *</p> <p>Sesungguhnya Allah itu di atas tiap-tiap sesuatu berkuasa.</p> <p style="text-align: right;">(<i>al-Baqarah</i>: 20)</p>	<p>Tidak beriman seorang daripada kamu sehingga ia menyintai aku lebih daripada kedua ibu bapanya, anaknya dan seluruh manusia.</p> <p style="text-align: right;">(Bukhari dan Muslim)</p> <p style="text-align: center;">* * *</p> <p>Barang siapa yang naik saksi (dengan lidah dan hatinya) bahawa tiada Tuhan (yang sebenarnya) melainkan Allah dan Sesungguhnya Nabi Muhammad itu Pesuruh Allah, nescaya Tuhan akan menjauhkannya dari seksaan api neraka.</p> <p style="text-align: right;">(Muslim)</p> <p style="text-align: center;">* * *</p> <p>Sesiapa yang kasihkan orang lain dengan kerana Allah, bencikan orang lain dengan kerana Allah, memberi sedekah kepada fakir miskin dengan kerana Allah dan tidak memberi apa-apa (kepada yang tidak patut menerima) dengan kerana Allah, sesungguhnya imannya sudah sempurna.</p> <p style="text-align: right;">(Abū Daud)</p> <p style="text-align: center;">* * *</p> <p>Sesungguhnya bagi tiap-tiap agama itu akhlak dan akhlak agama Islam itu ialah sifat malu.</p> <p style="text-align: right;">(Ibn Majah)</p> <p style="text-align: center;">* * *</p> <p>Anak kunci syurga itu ialah sembahyang, dan anak kunci sembahyang itu ialah kebersihan (wuduk).</p> <p style="text-align: right;">(Musnad Imam Ahmad)</p>	<p>Bermula tawfiq itu boleh memberi tenaga untuk berbakti bila diperlukan.</p> <p style="text-align: right;">(Ibrahim Adham)</p> <p style="text-align: center;">* * *</p> <p>Kita telah dicuba di dalam suatu zaman di mana ketiadaan iman kepada Islam, ketiadaan akhlak di zaman Jahiliyyah dan tanpa perasaan kasih mesra dan sopan-santun.</p> <p style="text-align: right;">(Abu Bakar Wasiḥī)</p> <p style="text-align: center;">* * *</p> <p>Kekuatan cita-cita orang yang terpelajar itu ialah mencari dan terus mencari hingga tercapai cita-citanya itu. Kekuatan cita-cita orang yang bodoh tidak berpelajaran itu ialah berpuas hati dengan segala apa yang berada di sekelilingnya.</p> <p style="text-align: right;">(Imam Mālik)</p> <p style="text-align: center;">* * *</p> <p>Barang siapa yang memperkatakan masalah-masalah agama tanpa bersifat zuhud, sesungguhnya dia itu telah menjadi seorang yang <i>zindīq</i> (Islam pada zahir). Dan barang siapa mengerjakan suruhan agama tanpa warak, maka sesungguhnya dia telah menjadi seorang yang fasik.</p> <p style="text-align: right;">(Abu Bakar Dirāq)</p> <p>*Makna ayat di muka kulit:</p> <p style="text-align: center;">“Tiada Kami utus engkau (wahai Muhammad) melainkan menjadi rahmat bagi semesta alam” – <i>al-Anbiyā'</i> 107.*</p>